



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.3/76/52(PM)

UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN,
DALAM M'JLIS PEMBUKAAN SIDANG KEDUA
MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN DI NIRWANA
BALLROOM, HILTON KUALA LUMPUR PADA 8.3.76

Tuan Pengerusi,

Tuan Yang Terutama, Para Perwakilan yang Terhormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Adalah menjadi satu kehormatan bagi saya, sekali lagi untuk hadir bersama-sama dalam perjumpaan keluarga ASEAN, tidak berapa lama selepas Ketua-Ketua Kerajaan negara ASEAN mengadakan Sidang Kemuncak, di Bali. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan para Menteri serta para Perwakilan sekalian ke Kuala Lumpur.

2. Sudah banyak telah ditulis dan diperkatakan mengenai Sidang Kemuncak ASEAN. Masih terlalu awal, bagi saya, untuk memperkatakan apakah kesan yang bakal dirasakan oleh rakyat negara ASEAN dan bagaimana pula Sidang Kemuncak di Bali itu akan tercatat di dalam Sejarah Asia Tenggara. Kepada saya, saya sesungguhnya mengharapkan bahawa Sidang Kemuncak di Bali itu akan dikenang sebagai satu Musyawarah ASEAN, sebagai satu perjumpaan agong yang menemukan fikiran dan perasaan pemimpin-pemimpin dalam Wilayah ASEAN ini.

3. Bagaimanapun, seperkara yang telah timbul tetapi sangat jelas dan nyata selepas Bali, iaitu bahawa hakikat dan tujuan ASEAN telahpun diterangkan. ASEAN tetap menjadi sebuah pertubuhan yang bukan berasaskan ideologi, bukan berasaskan ketenteraan, dan bukan bermusuhan dengan sesiapa juga. Keanggotaanya adalah terbuka kepada semua negara-negara yang terletak dalam Wilayah Asia Tenggara. Kerjasama bilateral, dalam bentuk keselamatan, adalah seperkara yang mustahak dan perlu. Akan tetapi, aspek ini, hendaklah diteruskan oleh negara-negara anggota dalam bentuk persendirian, di luar daripada rangka ASEAN.

4. Tujuan utama ASEAN, seperti yang telah dinyatakan semula oleh Ketua Kerajaan, ialah apa yang sentiasa ditegaskan, iaitu untuk memajukan keadaan penghidupan rakyat negara Asia Tenggara, menerusi kerjasama sosio-ekonomi yang berkesan.

5. Dalam masa dua hari ini, para Menteri dan juga para Perwakilan akan membincangkan selanjutnya perkara-perkara prektik, iaitu bagaimana ASEAN dapat memberi makna dan isi kepada kerjasama yang dimaksudkan itu. Saya mendapat faham bahawa tuan-tuan sekalian telahpun mempunyai agenda yang tertentu, untuk jadi panduan dalam perbincangan yang akan diadakan.
6. Pada saat perubahan negara-negara ASEAN ini, tidaklah perlu bagi saya membincangkan mengenai kerjasama ekonomi satu persatu. Wilayah Asia Tenggara ini merupakan kawasan yang mengeluarkan barang-barang utama yang terpenting seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu balak dan kelapa kering. Selain daripada itu, kita mempunyai kawasan tanah yang sangat banyak yang belum digunakan, mempunyai hasil bumi seperti minyak dan gas yang banyak dan juga bilangan tenaga manusia yang paling besar. Sebarang kerjasama ekonomi dan juga usaha yang berbentuk multi-lateral sudah pasti akan memberi munafaat kepada kawasan ini pada keseluruhannya.
7. Masanya telah tiba bagi negara-negara ASEAN supaya melangkah daripada hal-hal umum, kepada perkara-perkara yang tertentu. Dengah sebab itulah, pada hemat saya, hasil daripada perbincangan ini dan perbincangan selanjutnya sangat penting. Pada hakikatnya, perkembangan ASEAN di masa akan datang bergantung, sebahagian besarnya, kepada apa yang tuan-tuan dan pegawai-pegawai akan dapat persetujuan di sini. Saya yakin bahawa tuan-tuan akan dapat menentukan bahawa butir-butir dapat dibincangkan dengan sehalus-halusnya supaya hasil kerjasama ekonomi itu tidak akan dibolot oleh satu atau dua negara sahaja, tetapi akan dapat dinikmati secara adil oleh semua negara-negara yang mengambil bahagian.
8. Pada saat ini, kita terpaksa menghadkan rangka kerjasama ekonomi kita pada negara-negara Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand dan Malaysia. Kita berbuat demikian, bukanlah kerana kita tidak inginkan kerjasama negara-negara lain, akan tetapi disebabkan lima negara inilah yang menjadi anggota asal ASEAN.
9. Dalam sidang kemuncak di Bali baru-baru ini, Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN telah berikrar bahawa pintu ASEAN adalah terbuka kepada negara-negara dalam Wilayah Asia Tenggara ini. Kita menghulur tangan terbuka untuk menerima negara Burma, Kemboja, Laos dan Vietnam. Sepanjang yang mengenai Malaysia, kita akan terus berikhtiar, sedaya upaya, untuk mewujudkan ASEAN yang tulin bagi Asia Tenggara, Matlamat ini sudah tentu tidak akan tercapai dalam tempoh beberapa bulan, akan tetapi kita akan bekerja menuju kepada matlamat ini, dengan segala tenaga dan punca-punca yang ada pada kita.
10. Saya inginlah menegaskan disini bahawa ASEAN adalah sebuah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara, oleh Negara dan rakyat Asia Tenggara dan untuk kepentingan negara dan rakyat Asia Tenggara. Kita bukanlah alat sebarang kuasa besar dan kita tidak ingin atau bermaksud menjadi alat mereka. Pada hakikatnya, tenaga pendorong yang kuat di belakang kita ialah

untuk mewujudkan satu kawasan Asia Tenggara yang aman, bebas dan berkecuali yang telah menjadi asas kepada deklarasi Kuala Lumpur iaitu, untuk hidup dan berusaha bersama-sama supaya Asia Tenggara tidak menjadi medan pertemporan bagi kuasa-kuasa besar yang ingin meluaskan pengaruhnya.

11. Mungkin perkembangan yang berlaku masih terlalu hampir bagi setengah gulungan untuk benar-benar faham akan sifat dan bentuk ASEAN dari segi objektif. Kami yakin bahawa masa sajalah yang akan menentukan bahawa ASEAN adalah ASEAN dan bukannya SEATO yang bertopeng.

12. Buat penutupnya saya ingin menyatakan "Selamat Bermusyawarah" kepada setiap para perwakilan yang menjadi tetamu kami. Dan sekarang saya dengan segala sukacita dan hormatnya mengisytiharkan bahawa Sidang Kedua Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dibuka.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
8hb Mac, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 5.00 petang)

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



11 - JUN 1976



| | |
|----------------|------|
| No. Siri | 168 |
| No. Penerimaan | 5/76 |